



MEMO

**PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC)
BATU PAHAT, JOHOR DARUL TA'ZIM
JABATAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Ruj Fail : ADTEC/BP/700-1/1()

Tarikh : 26 Jun 2025

PERKARA	PELAKSANAAN HUKUMAN BAGI KESALAHAN LUAR WAKTU LATIHAN DI ASRAMA ADTEC BATU PAHAT.	
DARIPADA	Timbalan Pengarah (Latihan)	SALINAN : 1. Pengarah 2. TP (O) 3. Semua Ketua Jabatan 4. Semua KB 5. Semua PP 6. Penolong Pegawai Tadbir 7. MPP 8. Fail Timbul
KEPADA	Semua warden Penolong Pengurus Asrama Semua pelajar ADTEC Batu Pahat	

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak pengurusan ADTEC Batu Pahat telah menerima laporan berkenaan kesalahan disiplin pelajar yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Buku Peraturan Tatatertib Pelajar ILJTM.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan nilai integriti, keselamatan dan ketenteraman warga ADTEC Batu Pahat, pihak pengurusan telah bersidang dan memutuskan bentuk hukuman seperti di **Lampiran 1** bermula sesi 2/2025.

4. Semua pihak yang bertanggungjawab dan para pelajar diminta untuk mengambil maklum akan perkara di atas. Segala kerjasama tuan/puan dan para pelajar amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(Ts. MOHAMAD NOOR BIN ISMAIL)

BIL	PERKARA	BENTUK HUKUMAN
1	Tidak hadir ke aktiviti surau setiap hari Selasa dan Khamis / Aktiviti Institut	Tidak boleh outing dan pulang bermalam (ketika dipohon oleh pelajar) 1. Kesalahan Pertama – Amaran 2. Kesalahan Kedua & Seterusnya - Tahan kad kuning dan kad matrik 3. Kesalahan berulang 4 kali (terkumpul) – Kemudahan asrama di tarik semula (selama sebulan) (Tindakan Warden)
2	Pulang lewat ke asrama ketika "outing" dan pulang bermalam	Tidak boleh outing dan pulang bermalam (ketika dipohon oleh pelajar) 1. Kesalahan Pertama – Amaran 2. Kesalahan Kedua & Seterusnya - Tahan kad kuning dan kad matrik 3. Kesalahan berulang 4 kali (terkumpul) – Kemudahan asrama di tarik semula (selama sebulan) (Tindakan Warden)
3	Menjalankan perniagaan tanpa kebenaran didalam asrama.	1. Amaran 2. Merampas peralatan perniagaan dan tidak dipulangkan (cth : peralatan memasak)
4	Pelajar berada diluar asrama melebihi waktu yang dibenarkan (11.00 malam)	1. Tutup bekalan elektrik 2. Pengawal keselamatan beri arahan untuk masuk ke asrama 3. Tidak boleh outing dan pulang bermalam
5	Meletakkan peralatan peribadi di koridor asrama	1. Amaran 2. Merampas peralatan
6	Bekerja (membantu perniagaan diluar asrama perlu mengikut aktiviti surau Waktu bekerja dibenarkan – selepas aktiviti surau tamat sehingga 11.00 malam)	1. Amaran 2. Tarik balik kebenaran bekerja 3. Tindakan penguatkuasaan dari KSKK